

EDISI ابكار MAIS

www.mais.gov.my

Berlabuh Tirai 2021: ISU-ISU BELUM SELESAI...

Remaja Dan
Ketagihan Media
Sosial

Ms 5

"Tips Keluarga
Bahagia"

Ms 8

Hukum Bekerja Di
Kedai Serbaneka
Yang Menjual Arak

Ms 9

Kata-Kata Hikmah

"Kekuatan bukan sahaja dari kemampuan fizikal, tetapi ianya juga datang dari semangat yang tidak pernah mengalah."

Dr. Che Mad

Solat Jemaah Dan
Dilema Ummah

Ms 17





Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Kedah), D.K. (Johor), D.K. (Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-76
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

Pada 11 Disember 2021 Bersamaan 6 Jumadal Ula 1443H

Sembah Takzim Daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR SERTA WARGA KERJA
JABATAN HAL EHWAL ISLAM SELANGOR, AGENSI DAN ANAK SYARIKAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Noormala binti Mohd Saad

PENGARANG
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

KOLUMNIS
Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar

Mohd Hafiz bin Abdul Salam
Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin

JURUFOTO
Shahrul Effendy bin Md Saat

BERLABUHNYA 2021 BERSAMA ISU-ISU YANG BELUM SELESAI?

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakat.selangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Mentari kian condong ke barat. Senja mula merona. Cahaya merah kian tenggelam, beradu di ufuknya. Beburung pun terbang kembali ke sarang. Nun sayup-sayup terdengar, bunyi bacaan murattal al-Quran di tetuang masjid. Berbalam-balam; namun menjejukkan.

Semuanya bertingkah bersama ciapan camar di pantai, juga debur ombak yang tidak pernah surut. Lalu sedetik, Maghrib pun berlabuh. Bersama azan yang lirih. Bersama tahun 2021 yang pedih. Bersama-sama 1001 isu yang masih dirintih.

Demikianlah. Tahun 2021, kita menghadapinya dengan penuh kesabaran. Sejak COVID-19 menyerang di penghujung 2019, dua tiga kali kita menahan nafas. Perayaan bagaikan tanpa perayaan. Ramadhan seakan tanpa Ramadhan. Anak-anak bersekolah tanpa seragam. Kerja dari rumah. Belajar dari rumah. Beli apa pun dari rumah. Bayar zakat juga dari rumah.

Hidup seakan di filem zombi. Melihat orang dengan waspada. Terasa setiap detik kuman akan menjangkiti. Takut untuk bersalaman walau dengan ibu bapa sendiri. Allahu Allah. Dekat tapi jauh, kita sungguh diuji.

Lebih parah. Mereka yang kehilangan kerja. Hilang syarikat. Hilang tempat bernaung. Hilang dahan untuk bergantung. Hilang orang tersayang. Hilang harapan dan hilang segala yang selama ini dijadikan payung dan sandaran. Bagaikan pelepah kelapa yang gugur dari tangkainya.

Ingat, Malaysia menghadapi cabaran yang sangat besar dalam isu ini. Tidak dinafikan, pengalaman kita juga tidak seberapa dalam berdepan dengan pandemik yang dahsyat ini. Ia lebih dahsyat dari pelbagai endemik (wabak setempat) yang melanda. Lalu, adakah 2021 ini berlabuh bersama 1001 isu-isu yang belum selesai? Sebelum itu, marilah kita telusuri bersama apakah isu-isu besar sebelum ini yang berjaya kita tangani.

Dahulu kita pernah berdepan dengan selesema unta, atau nama saintifiknya *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)* yang melanda Timur Tengah pada tahun 2012. Namun ia hanya menyerang jemaah umrah dan haji. Kita sukses.

Kita juga pasti teringat kepada selesema burung, iaitu *Influenza H5N1* yang menyerang sumber makanan daging utama negara seperti ayam, itik dan ayam belanda. Ia terjadi sekitar tahun 2004 yang lalu. Alhamdulillah, kita sukses menghadapinya.

Selain selesema burung di atas, Wabak *Influenza A H1N1*, atau lebih popular sebagai selesema babi turut menyerang negara kita. Virus ini ditemui pada 2009 di Mexico. Wabak ini juga berjaya kita atasi dan kini sudah pun menjadi sejarah. Syukurlah.

Sebelum itu, kita dikejutkan dengan Virus Nipah pada tahun 1999, iaitu penularan virus akibat khinzir dan turut mengancam manusia. Syukurlah, ia sudah lama kita tinggalkan. Kita sukses menghadapinya.

Kita juga tidak patut melupakan si Denggi, Zika, Chikungunya dan *Japanese Encephalitis (JE)*. Keempat-empat wabak ini pernah menyerang dan terus mengganggu rakyat Malaysia dan ia dibawa oleh nyamuk Aedes. Denggi paling lama menyerang kita. Ya, ada yang kita dapat atasi dan ada yang masih terus kita cuba diatasi. Alhamdulillah, kita tidak pun mengaku kalah.

Namun jangan lupa, selain wabak-wabak di atas yang bersifat endemik, kita juga hakikatnya terus berhadapan dengan wabak HIV, isu penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), wabak penyakit meningitis, jangkitan bakteria Chlamydia dan banyak lagi.

Isunya, adakah kita membiarkan setiap tahun yang berlalu itu membawa bersamanya catatan-catatan kegagalan?

Jawapannya tidak. Negara kita dan seluruh entiti yang berkaitan dan dalam konteks Negeri Selangor – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan seluruh jajaran egensinya, tidak akan pernah sama sekali surut dan mengaku untuk kalah dalam perlawanan ini. Insya-Allah, kita akan terus berjuang bersama-sama untuk mengalahkan Pandemik COVID-19.

Untuk itu, jangan ditanya apakah hasil; tapi tanyalah apakah usahanya? Apakah yang kita berikan? Apakah sumbangan dan buah fikiran?

Demikianlah ajaran Islam. Seperti burung pipit yang membawa setitis air di paruhnya yang kecil, ia tidak dapat memadamkan api yang membakar Nabi Ibrahim a.s. Namun, itulah usaha. Sebagai ikhtiar yang berkadar dengan kemampuan. Biar kecil namun ia lebih bermakna dari mereka yang hanya memperkecil. Bepeluk tubuh tanpa setitis pun peluh.

MAIS dan anak-anak syarikatnya juga sedar, serangan COVID-19 bukanlah perkara kecil. Satu dunia lumpuh dibuatnya. Jika negara-negara adi daya seperti Amerika Syarikat, Russia dan China sendiri pun terpaksa bertungkus lumus, apa lagi negara kecil.

Maka, melalui keluaran terakhir sempena menutup tirai tahun 2021 kali ini, Edisi akan menyorot terus secebis usaha berterusan MAIS dan anak-anak syarikatnya dalam mendepani wabak ini.

Selamat membaca! **Edisi**

Upaya MAIS Mendepani Isu-isu Belum Selesai

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundangan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam mendepani keperluan ummah telah menjadikan agenda 'Memperkasakan ummah selaras dengan hukum syarak' sebagai misinya. Ertinya, dalam segenap tindakan MAIS, matlamatnya adalah untuk umat. Tidak yang lain.

Selain itu, dalam memastikan usaha MAIS dan seluruh jajaran egensinya tetap berada di standard yang optimum, maka ITQAN telah dijadikan sebagai teras gerak kerjanya.

ITQAN bermaksud tekun dalam beramal atau bekerja, yakni berusaha menyempurnakan atau melaksanakan satu tuntutan daripada seseorang sebagaimana yang dikehendaki oleh orang tersebut tanpa kurang sedikit pun dengan sesempurna mungkin disertai dengan usaha yang kuat agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan (rujuk Pelan Strategik MAIS 2020 -2024).

Semua ini menjadi ramuan istimewa kepada komitmen MAIS dalam berhadapan dengan pelbagai isu 2021. Benarkah MAIS dan anak-anak syarikatnya tidak mampu dan gagal menghadapi semua ini? Apa pula peranan di sisi kita?

Justeru, kita harus sama-sama menghisab diri. Merenung. Jujur bahawa tidak semuanya buntu. Masih ada saki-baki masa hadapan buat kita. Tidak semuanya gagal. Ada juga yang berjaya. Paling penting, kita dapat sama-sama menggali makna di sebalik musibah ini. Bertafakur. Bersyukur di sebalik akur. Bangkit di sebalik tadabbur.

Lihatlah tentang isu vaksin yang menjadi buah bibir. Benar, kerajaan tidak mewajibkan, hanya sekadar menggalakkan. Lalu wujudlah segelintir yang berkeras hati; namun nyatanya ramai yang mentaati saranan Ulul Amri.

Kata mereka yang degil: "Seinci pun tidak kami benarkan jarum suntikan mendekati tubuh kami".

Namun ternyata, gerombolan anti-vaksin ini nampaknya tidak mampu menahan arus. Berbondong-bondong umat Islam mencari cara. Pertama biar segera diri divaksin. Kedua, biar selamat dari Virus Corona yang menggila.

MAIS sentiasa mendokong usaha vaksinasi. Seiring dengan titah dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, maka usaha ini dipadu dengan moral dan fizikal.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) misalnya, menyahut serius dengan melancarkan Skuad Vaccine On The Go (VOTG). Program ini adalah kerjasama erat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS). Lalu, tiga buah kenderaan MPV LZS diaktifkan sebagai kenderaan Skuad VOTG. Petugas-petugas kesihatan pun dibawa ke 265 buah Pusat Jagaan Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di seluruh negeri.

Dalam kesempatan lain, bagi memperkasakan barisan hadapan maka LZS turut memperuntukkan RM1 juta bagi membantu institusi perubatan awam dan petugas barisan hadapan di Selangor dalam menangani pandemik COVID-19.

Dalam isu lain, MAIS terus konsisten menyantuni golongan terkesan, khususnya B40. Sejumlah RM2 juta wang fidyah diagih kembali kepada golongan ini. 20,000 keluarga golongan B40 menjadi sasaran, selain mereka yang dibuang kerja, dicutikan tanpa gaji, dikurangkan gaji sehingga 50% atau kehilangan pendapatan telah dibantu.

Bantuan Zakat Selangor Peduli

Bantuan Khas COVID-19 (BKC19) dan Bantuan Alternatif Insan Terkesan (BAIT)

RM70 juta



59,000

penerima individu



431

institusi



dengan kerjasama

Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS)



1,000 orang

Guru Pusat Tahfiz



350 buah

Pusat Tahfiz

RM3.35 juta

Program Pemutihan Mahad Tahfiz

LZS turut mendepani pembelajaran anak-anak umat Islam di rumah dengan melengkapkan 7,000 pelajar asnaf fakir, miskin dan muallaf dengan tablet dan data internet percuma. Ia khusus bagi mereka yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kosnya adalah sebanyak RM6 juta.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) turut memainkan peranan. Tabung Khas COVID-19 KUIS telah ditubuhkan bagi membantu staf dan pelajar yang terkesan. Fokus tabung ini antara lain adalah untuk meringankan beban pelajar yang keluarganya terjejas pendapatan akibat COVID-19. KUIS tidak mahu ia mengganggu aktiviti pembelajaran pelajar. Apatah lagi jika pelajar itu sendiri disahkan positif COVID-19.

KUIS juga memberikan data internet percuma kepada mereka yang memerlukan, di samping bantuan laptop percuma, sesi bantuan konsultasi virtual kepada mahasiswa mengenai aspek pengurusan sendiri, pemerkasaan mahasiswa melalui sesi mentoring dan usrah maya, pemerkasaan melalui sesi kaunseling dan juga melalui siri-siri pendekatan on-line yang lain.

Sumbangan Covid-19

RM279, 800.00

RM148,000.00



RM500.00

setiap keluarga anak yatim dan 296 keluarga 'one off'

RM677,000.00



19 buah rumah kebajikan anak-anak yatim seliaan YIDE

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) juga turut berperanan, khususnya dalam menyantuni para mahasiswa dan juga anak-anak yatim di era pandemik ini. Antaranya, YIDE telah menyerahkan sumbangan berbentuk termometer infra merah serbaguna, penutup muka, dan botol hand-sanitizer kepada KUIS untuk kemudahan kakitangan dan pelajar yang sudah memulakan pengajian di kampus.

Iniilah antara kejayaan yang terus dirintis-manis oleh MAIS dan seluruh jajaran egensi di bawahnya. Masih banyak yang perlu dikongsi, namun ruang dan keterbatasan menjadi penghalang. Apa yang penting, ia adalah manifestasi kepada kesungguhan. Pantang menyerah apa lagi mengaku kalah. Pantang mundur biar selangkah.

Kesimpulannya, tirai 2021 yang berlabuh tidak membawa bersamanya 1001 kegagalan; sebaliknya menzahirkan komitmen dan takah demi takah yang diambil dalam usaha yang bakal meraih kejayaan, insya-Allah. **Edisi**

REMAJA DAN KETAGIHAN MEDIA SOSIAL

Oleh: **Halim Bin Mokhtar** (halim@kuis.edu.my)
Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS

Media sosial merupakan salah satu peranti perhubungan yang memberi sumbangan besar dalam kehidupan masyarakat kini. Saat ini semakin dicintai oleh masyarakat global kerana pelbagai kelebihan dan kemampuan berbanding dengan media lain kerana banyak membantu manusia dalam mengeratkan hubungan sesama mereka.

Remaja sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan media sosial terutama sekali ketika di saat kongkongan pandemik COVID-19. Keutamaan adalah memastikan penggunaannya dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan diri yang positif. Namun apa yang berlaku segelintir remaja menjadi terlalu obses dalam penggunaan peranti perhubungan tersebut hingga mengakibatkan ketagihan.

Malaysia merekodkan 28 juta pengguna media sosial atau 86 peratus daripada penduduk negara ini. Ketagihan media sosial mendatangkan pelbagai kesan negatif mahupun positif terhadap kehidupan remaja masa kini. Penggunaan media sosial yang tersohor pada masa kini seperti "Facebook", "Instagram", "YouTube", "Whatsapps", "Twitter" dan "Tik Tok" mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat khususnya remaja. Akaun media sosial contohnya menyalurkan hiburan berterusan sepanjang waktu. Tanpa disedari ia telah menghabiskan begitu banyak masa dalam melayari kenalan mahupun berhibur.

Penggunaan laman sosial ini memberikan kesan positif dan negatif terhadap gaya hidup remaja. Bagaimanapun dalam beberapa kajian mendapati, ketagihan media sosial boleh memberi implikasi yang negatif kepada remaja. Antara perkara yang telah berlaku iaitu:

- 1 Terhakis Pergaulan Secara Realiti**
Hubungan sesama ahli keluarga dan jiran semakin renggang. Remaja asyik dengan dunia media sosial yang boleh diakses secara mudah dan percuma.
- 2 Melalaikan Dan Melekakan**
Kesan buruk yang paling ketara daripada media sosial adalah pembaziran masa. Hal ini berlaku kerana media sosial merupakan medium yang sangat mudah untuk remaja menghabiskan masa untuk melayari media sosial.
- 3 Terdedah Kepada Maklumat Yang Salah**
Sifat media sosial yang pantas, mudah, dan melangkaui sempadan sedia ada, sering menyajikan pelbagai maklumat kepada setiap pengguna yang setia menanti di tabir peranti.
- 4 Obses dan Ketagihan**
Berlakunya kegilaan terhadap laman sosial hingga sukar untuk berenggang darinya. Boleh juga menimbulkan kemarahan sekiranya diganggu dan tidak mustahil ada yang menjadi gila kerana terlalu obses.
- 5 Harga Diri dan Publisiti**
Nilai harga diri dan imej diri menjadi murah kerana ingin mencari perhatian. Tidak kira gender, remaja berlumba-lumba mempamerkan wajah dan imej diri dengan gaya yang istimewa untuk mencari "like" di media sosial.

Dalam menangani ketagihan media sosial ini beberapa langkah awal yang boleh diambil antaranya :

- 1 Memperkasa Diri Remaja**
Menumpukan pendidikan remaja dalam menguruskan masa dengan bijak. Disamping itu menerapkan nilai integriti dalam memilih bahan media sosial yang baik dan sesuai.
- 2 Pembangunan Remaja Positif**
Memperkenalkan siri-siri pembangunan remaja dalam media sosial secara percuma. Mempromosikan gaya hidup sihat kepada remaja serta memberikan bimbingan dan mentransformasikan remaja daripada pengguna tegar kepada penyedia aplikasi media sosial.
- 3 Pemantauan Ibu Bapa**
Ibubapa mesti sentiasa mendampingi dan mengambil berat perkembangan remaja. Sentiasa menetapkan batasan masa dan peraturan penggunaan media sosial mengikut kesesuaian.
- 4 Sesi Bantuan Kaunseling**
Menyediakan bantuan khidmat nasihat kepada remaja yang ketagihan melampau dengan sesi terapi dan kemudahan rawatan untuk mengatasi ketagihan media sosial.
- 5 Penguatkuasaan Undang-undang**
Pihak kerajaan juga perlu mengenakan hukuman atau penguatkuasaan kepada sebarang pelanggaran di media sosial. Kebebasan menggunakan media sosial mesti dibentuk dengan etika yang baik untuk membendung perkara yang boleh menimbulkan kerosakan dan keharmonian hidup remaja.

Kesimpulannya remaja mestilah bijak dalam menggunakan media sosial untuk menilai kebaikan dan keburukan setiap aktiviti di alam maya. Berhati-hati, cermat dan bertanggungjawab di atas segala maklumat yang ingin disebar dan dikongsikan agar ia tidak membawa bencana kepada diri dan masyarakat. Ingatlah Firman Allah SWT di dalam surah al-Asr ayat 1 hingga 3 yang bermaksud;

"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati supaya mentaati kebenaran dan saling menasihati supaya menetapi kesabaran." **Edisi**

Pendapatan Syubhah di Zaman Pandemik

Disusun oleh: Muhammad Syafiq Bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Rujukan:

- a. <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/carian?soalan=syubhah>
b. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/2510-irsyad-al-fatwa-siri-ke-170>

Situasi getir tahun 2021, di mana masyarakat berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan pelbagai cabaran dan musibah, telah memaksa masyarakat untuk mencari rezeki dengan apa cara sekalipun bagi meneruskan kelangsungan kehidupan. Namun adakah kita pernah terfikir, sumber pendapatan yang diperolehi ini masih berlandaskan dengan kehendak syarak atau tidak? Mari kita bincangkan bersama.

Rezeki yang halal adalah sesuatu pendapatan yang diterima melalui sumber yang halal. Kewajipan tuntutan mencari rezeki yang halal seperti firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 172 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya"

Meneroka perkembangan kini, terdapat beberapa isu yang timbul bila mana bekerja di tempat yang mengandungi unsur-unsur sumber yang tidak halal. Contohnya berkerja di sebuah premis yang meniagakan arak.

Sebagai seorang Islam yang beriman kepada Allah SWT, seharusnya perkara seperti ini hendaklah dielakkan untuk kita melibatkan diri dalam pertalian perniagaan tersebut. Pekerjaan yang ada kaitannya dengan arak sama ada sedikit atau banyak, maka dilarang kita terlibat. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Rasulullah SAW telah melaknat sepuluh golongan yang terlibat dengan arak, orang yang memerah arak, orang yang diminta arak diperah untuknya, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memberi minum arak kepada orang lain, orang yang menjual arak, orang yang mendapat hasil daripada arak, orang yang membeli arak, orang yang meminta dibelikan arak untuknya" (Riwayat al-Tirmizi)

Kini menjadi persoalannya, sekiranya pemandu atau penghantar makanan sesebuah syarikat penghantaran membawa makanan atau minuman haram, bagaimana pula hukumannya. Editor mengambil rujukan Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-170 : Persoalan Berkenaan *Uber* dan *UberEats* yang membincangkan perkara yang melibatkan membawa makanan dan minuman yang haram.

Ada 3 kondisi yang dibincangkan dalam Irsyad Al-Fatwa tersebut berhubung pesanan yang bercampur aduk di antara halal dan haram iaitu:

- 1 Jika diketahui makanan/minuman yang halal melebihi yang haram, kami cenderung untuk menyatakan pendapatan itu halal kerana Nabi SAW juga pernah berjual beli dengan orang musyrik dan ahli kitab dan harta mereka diketahui bercampur halal dan haram.
- 2 Jika diketahui makanan/minuman yang haram melebihi yang halal, maka pendapatan yang diperolehi itu menurut Imam Ahmad lebih baik dielakkan kecuali jika ianya sedikit atau sukar untuk diketahui
- 3 Jika makanan/minuman yang halal dan haram tidak dapat dibezakan, pendapatannya tidak haram namun makruh mengambilnya. Imam Ibn Hajar al-Haithami menjelaskan bahawa Imam al-Nawawi dalam *al-Majmu'* menukilkan daripada Syekh Abi Hamid dan beliau mengesahkannya bahawa makruh mengambil dari orang yang ditanggannya ada harta halal dan harta haram seperti pemimpin yang zalim dan berbeza tingkatan makruh sebagaimana kadar syubhah yang banyak. Sekiranya sedikit, tidak diharamkan kecuali jika diyakini bahawa yang diberikan itu adalah harta haram yang diketahui pemiliknya."

Secara kesimpulannya beberapa cadangan dan pandangan boleh dilihat bersama dalam memastikan pendapatan penghantar makanan tersebut halal di sisi syarak. Antaranya:

- | | |
|---|--|
|  <p>A</p> |  <p>B</p> |
| <p>Penghantar makanan atau minuman perlu mengesahkan destinasi yang hendak di tuju. Sekiranya ia adalah tempat yang dikuatir membawa fitnah dan maksiat, tolak permintaan tersebut dengan baik; dan</p> | <p>Jika makanan atau minuman yang dipaparkan dalam aplikasi tersebut jelas haram, maka dinasihatkan penghantar makanan membatalkan pesanan tersebut untuk mengelakkan keterlibatan dalam rantaian bekalan makanan atau minuman yang tidak halal.</p> |

Sekian, wallau'lam. **Edisi**

REBAT CUKAI DENGAN ZAKAT

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Selalunya apabila menjelang hujung tahun atau bulan Disember seperti sekarang ini, majoriti mereka yang makan gaji dan dikenakan cukai pendapatan akan mula memikirkan kepentingan rebat ke atas cukai pendapatan mereka. Ini kerana, semakin besar pendapatan seseorang, semakin besarlah cukai pendapatan yang wajib dibayar.

Antara persoalan yang sering ditanyakan ialah, bolehkah seseorang itu mendapatkan 100 peratus rebat atas cukai pendapatannya? Jika boleh, bilakah seseorang itu boleh mendapat penolakan 100 peratus itu? Adakah penolakan itu dikira setahun daripada tempoh pengiraan cukai wajib bayar? Juga soalan lebih panas, bolehkah jika seseorang itu hanya mahu membayar zakat sahaja dan tidak mahu membayar cukai pendapatan?

Terlebih dahulu, mari kita fahami apa itu rebat? Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, rebat bermaksud potongan daripada sejumlah bayaran yang kena dibayar atau pemulangan sebahagian daripada amaun yang telah dibuat sebagai bayaran, (rujuk <https://prpm.dbp.gov.my/>). Ertinya, dalam konteks zakat dan cukai pendapatan, ada dua situasi:

Mereka yang membuat pelarasan antara Potongan Cukai Berjadual (PCB) dengan potongan zakat bulanan akan terus mendapat rebat dalam bentuk potongan bayaran bulanan.

Mereka yang membuat bayaran zakat lebih besar berbanding cukai pendapatan, kelak semasa taksiran cukai pendapatan (melalui Borang BE) boleh mendapatkan pemulangan sebahagian amaun cukai pendapatan yang sudah terlebih bayar itu.

Di Malaysia, umat Islam beruntung kerana Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), Perkara 6A (3), menyatakan dengan jelas kedudukan rebat ini, iaitu: "Rebat hendaklah diberikan pada tahun-tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat fitrah atau lain-lain tuntutan agama Islam yang mana pembayarannya wajib dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut undang-undang bertulis."

Jika dicermati, di dalam petikan di atas, dinyatakan dengan jelas bahawa:

01 Rebate hendaklah diberi kepada umat Islam yang membayar zakat atau disebut 'sebarang pembayaran wajib di sisi agama Islam'.

02 Zakat dibayar dalam tahun taksiran semasa sahaja diambil kira untuk rebat cukai.

03 Pembayaran zakat mesti mempunyai bukti pembayaran (resit) yang sah.

04 Zakat mesti dibayar kepada pihak yang berautoriti iaitu Majlis Agama Islam Negeri (yang kemudiannya diturunkan kepada institusi zakat negeri-negeri).

Sementara itu, untuk mendapatkan rebat 100 peratus ke atas cukai pendapatan, maka kita kena pastikan jumlah zakat yang dibayar pada tahun semasa itu adalah melebihi atau menyamai jumlah cukai

pendapatan yang dikenakan.

Walau bagaimanapun, hal ini pastilah sulit untuk dilakukan. Ini kerana, kadar cukai pendapatan yang dikenakan adalah berbeza dengan kadar zakat. Umumnya kadar cukai pendapatan adalah 1% hingga 30% mengikut jumlah pendapatan kita (rujuk <http://www.hasil.gov.my/>).

Manakala, umumnya kadar zakat harta adalah 2.5% sahaja dan ia adalah kadar tetap. Hanya ada beberapa jenis harta zakat sahaja kadarnya berbeza, iaitu zakat pertanian (5% atau 10%) dan zakat galian harta karun (20%).

Maka, selalunya orang akan membayar zakat dengan maksimum untuk mendapatkan rebat yang maksimum juga. Apa yang dimaksudkan dengan maksimum itu adalah selaras dengan apa yang telah dinyatakan di dalam ACP 1967 6A (3) di atas, iaitu semua jenis pembayaran zakat yang wajib di sisi Islam termasuklah zakat fitrah, semuanya berhak mendapat rebat atas cukai pendapatan pada tahun taksiran semasa, dengan syarat dibayar pada tahun semasa itu juga.

Ertinya, jika kita membayar apa sahaja zakat pada tahun 2020, tidak terbatas hanya zakat pendapatan, malah merangkumi zakat pelaburan, zakat perniagaan, zakat simpanan, zakat emas, zakat perak, zakat pertanian, zakat penternakan, zakat galian, zakat fitrah dan termasuklah zakat qada, maka semuanya adalah layak untuk menjadi amaun yang direbatkan. Inilah keistimewaan yang boleh kita ambil.

Jadi salah bagi tanggapan sesetengah pihak bahawa hanya zakat pendapatan sahaja yang layak mendapat rebat cukai pendapatan pada tahun semasa. Padahal ia adalah terbuka bagi semua jenis zakat.

Namun begitu, sering terjadi walaupun kita sudah memaksimumkan pembayaran zakat, cukai pendapatan tetap masih lagi tinggi dan kita kena juga membayar cukai pendapatan. Ini sebenarnya berbalik kepada perkara asas, iaitu kadar cukai pendapatan yang sememangnya jauh lebih tinggi berbanding kadar zakat harta. Atas dasar itu, kita tetap wajib membayar cukai pendapatan.

Maka, selaku warganegara yang terikat dengan undang-undang, kita raikanlah kedua-duanya, iaitu zakat dan cukai pendapatan. Tunaikan zakat dengan maksimum dan kemudiannya dapatkan rebat yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Itu lebih selamat bagi kita.

Dari aspek peraturan, pihak LHDN memang berhak membuat semakan dengan meminta kita mengemukakan bukti-bukti harta pendapatan zakat apabila perlu. Maka, elakkanlah tindakan undang-undang dengan membuat tuntutan rebat di luar kewajaran atau lebih parah, bersifat pemalsuan fakta dengan mengisytiharkan bayaran zakat yang tidak dilakukan.

Ambil peluang dengan memaksimumkan bayaran zakat, khususnya dengan menghitung kembali segala harta yang dimiliki, terutamanya harta pendapatan yang sering bertambah dari semasa ke semasa. Selepas itu, segera lakukan pembayaran zakat dalam tempoh sebelum berakhir 31 Disember dan dengan itu, kita layak mendapat rebat yang telah disediakan. Wallahua'lam. **Edisi**



“TIPS KELUARGA BAHAGIA”

Oleh: **Hasal Bin Senin** (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

Menyebut tentang keluarga bahagia, ianya impian semua orang terutama yang telah berkahwin. Dalam konteks berumah tangga pula, ianya menjadi satu medan untuk kita belajar untuk saling menghormati, saling menghargai dan saling melengkapi antara satu sama lain kerana suami, isteri dan anak-anak adalah anugerah dan amanah dari Allah SWT. Bagaimanakah cara membina keluarga bahagia dalam Islam.

- 1 PUJI**
Setiap pasangan perlu saling memuji antara satu sama lain dalam semua aspek kehidupan seperti masakan atau ucapan terima kasih apabila diberi pertolongan. Salah satu kunci rumah tangga yang mesti dipraktikkan!
- 2 PELUK**
Pasangan suami isteri hendaklah melazimi memeluk antara satu sama lain sekerap mungkin pada setiap hari kerana pelukan itu adalah belaian penuh kasih sayang.
- 3 PENGHARGAAN**
Amalan memberi hadiah boleh menambah kasih sayang. Walaupun kecil tetapi besar ertinya kepada pasangan.
- 4 PERHATIAN**
Mesti diambil berat kerana kekurangan perhatian boleh mengakibatkan pasangan terasa diabaikan.
- 5 PERSEFAHAMAN**
Sebagai manusia yang bekerjaya memerlukan pasangan lebih bertolak ansur dan memahami kerjaya masing-masing dan bersama-sama membantu menguruskan rumahtangga agar wujudnya suasana rumahku syurgaku.
- 6 PERGAULAN**
Pasangan suami isteri mesti menjaga pergaulan masing-masing dengan orang lain bagi mengelakkannya daripada melampaui batas, menimbulkan cemburu seterusnya membawa kepada pembabitan orang ketiga.
- 7 PERCUTIAN**
Perlu merancang percutian berdua-duaan dengan pasangannya di tempat yang jauh daripada kesibukan dan kehidupan rutin atau gangguan lain.
- 8 PERMOHONAN**
Lazimi berdoa kepada Allah supaya merapatkan kasih sayang antara pasangan suami isteri serta dijauhi daripada godaan kemewahan dan keseronokan dunia.

Sekiranya berlaku pergolakan rumah tangga, MAIS menyediakan khidmat nasihat melalui Bantuan Guaman Syaie. Perkhidmatan melibatkan orang awam dan muallaf.

Kesimpulannya, kunci kebahagiaan rumah tangga yang sebenar ialah mendekatkan diri dengan Allah. Apabila seseorang insan mengabaikan tanggungjawab terhadap agama, dia akan mengabaikan rumah tangga kerana jiwa yang kosong.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Firqan ayat 74;

Dan orang-orang yang berkata: "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa."

Moga jadi asbab kebaikan. **Edisi**

Hukum Bekerja Di Kedai Serbaneka Yang Menjual Arak

Susunan Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS
Sumber: <https://muftiwp.gov.my>

SOALAN:

Assalamualaikum wrm wbt,

Apakah hukum bekerja di Kedai atau Pasaraya yang menjual arak?

JAWAPAN:

Walaikumussalam wrm wbt,

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

Surah al-Maidah, 5:90

Imam Ibn Kathir dalam menafsirkan ayat ini dengan menyebut satu riwayat daripada Abdurrahim bin Ghanm RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Dan sesungguhnya khmar itu haram dan hasil jualannya juga haram, Sesungguhnya khmar itu haram dan hasil jualannya juga haram, Sesungguhnya khmar itu haram dan hasil jualannya juga haram.

Hadis riwayat Ahmad (17995) dalam **Musnad**. Syaib al-Arnaut berkata hadis ini sahih li ghairih.

Justeru bagi seorang mukmin hendaklah dia bertaqwa kepada Allah dengan menghindari diri daripada terlibat daripada apa-apa pekerjaan yang terlibat dengan arak. Ini dikuatkan dengan hadis Anas bin Malik RA:

Maksudnya: Rasulullah SAW melaknat dalam isu arak ini 10 golongan: "Pemerah (anggur untuk arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta bawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya."

Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi (1295) dalam **Sunan**.

Namun begitu, jika pendapatan seseorang itu bercampur baur antara haram dan yang halal maka menerima harta yang dia beri adalah tidak haram kerana tidak yakin pemberian itu bersumberkan yang haram. Imam al-Suyuti ketika membincangkan kaedah umum fiqh:

Maksudnya: Keyakinan tidak dapat dihilangkan dengan keraguan Beliau memasukkan sebagai faedah, huraian Syeikh Abu Hamid al-Isfira'ini tentang kategori perkara syak yang tidak diketahui atau ditentukan sumber asalnya, "Seperti melakukan transaksi

dengan orang yang majoriti hartanya bersumber perkara yang haram dan tidak dapat dipastikan harta yang diperolehi itu dari harta orang tersebut sumber haram, maka hukum transaksi jual beli itu tidak haram kerana ada kemungkinan halal dan sumber haram itu juga tidak dapat dipastikan, tetapi makruh mengambilnya kerana ditakuti terjatuh dalam perkara yang haram". Rujuk **al-Asybah wa al-Nazair** (1/74-75).

Justeru kami berpandangan dalam isu bekerja di kedai dan pasaraya atau yang seumpama dengannya dalam penjualan arak:

1. Jika pendapatan yang mereka perolehi ialah daripada hasil jualan barang-barang yang halal dan haram, maka hukumnya adalah tidak haram mengambilnya tetapi makruh.
2. Jika pekerja itu terlibat dengan jual beli arak itu contohnya di kaunter, maka hukum perbuatan itu adalah haram sekalipun dengan martabat yang lebih rendah daripada meminumnya. Syeikh Mulla Ali al-Qari dalam **al-Mirqah Sharh al-Misykah** dalam menghuraikan hadis riba: "Mereka sama dari sudut mendapat dosa tetapi berbeza daripada segi tingkatannya."
3. Sebaiknya berusaha dengan sebaik mungkin untuk memisahkan kaunter barangan yang halal dan barangan yang haram, atau mengikut pekerja, dan ini adalah tanggungjawab majikan yang perihatin terhadap kebajikan agama para pekerja Muslim.

Dicadangkan agar carilah pekerjaan yang tiada sebarang syubuh kerana ia bersifat lebih aman dan tenang jiwa. Benarlah sabda Nabi SAW:

Maksudnya: *Barangsiapa yang memelihara dirinya daripada sebarang syubuh maka sebenarnya dia telah menyelamatkan agama dan maruahnyanya.*

Hadis riwayat Bukhari (52) dan Muslim (20)

Justeru, dengan mencari-cari sumber yang halal dan menjarakkan diri daripada sebarang keraguan, maka sudah tentukan ia menatijahkan lagi kebaikan dan keberkatan dalam hidup.

Wallahua'lam. **Edisi**

Persidangan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) MAIS 2021 **Tumpu Isu-Isu Semasa Ummah**

Oleh: **Shahrul Effendy bin Md Saat** (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam MAIS

Persidangan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) MAIS 2021 yang diadakan secara *online* pada bulan November lalu, menumpukan beberapa perkara berkaitan isu-isu semasa ummah seperti ancaman yang boleh menggugat kedudukan Islam sama ada ancaman akidah dan masalah sosial masyarakat Islam.

Persidangan anjuran Sektor Pembangunan Sosial MAIS ini mendapat sambutan yang menggalakkan apabila seramai 100 buah PIBK yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengikuti persidangan yang disiarkan secara langsung menerusi platform Facebook Majlis Agama Islam Selangor.

Sebanyak tiga topik yang dibincangkan dalam persidangan ini antaranya ialah "Tindakan Bersepadu Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial" yang disampaikan oleh Dato' Mohd Shafie Harun, Ketua Bahagian Penguatkuasaan SKMM; topik "Implikasi Pandemik Terhadap Keharmonian Keluarga" yang disampaikan oleh YB Senator Puan Fadhlina Dato' Sidek, Timbalan Presiden Pertubuhan Perkerjasama Keluarga (FAME) dan YDH SAC Haji Izan Haji Bakri, Ketua Cawangan Khas IPK Selangor membincangkan topik "Sikap Ambil Peduli Ancaman Akidah dan Sosial Masa Kini".

PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN (PIBK)

Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan atau akronimnya PIBK adalah sebuah pertubuhan yang telah berdaftar di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia dan diterima penyertaannya di bawah MAIS bagi membantu MAIS dan agensi-agensi hal ehwal Islam di Negeri Selangor dalam membantu melaksanakan dasar-dasar MAIS yang menjalankan kewajipan di bawah subseksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAINS 2003):

"Maka Hendaklah Menjadi Kewajipan Majlis Untuk Menggalakkan, Mendorong, Membantu Dan Mengusahakan Kemajuan Dan Kesejahteraan Ekonomi Dan Sosial Masyarakat Islam Di Dalam Negeri Selangor Selaras Dengan Hukum Syarak".

PIBK diwujudkan bagi tujuan membantu MAIS termasuk agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS dalam menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam secara bersepadu dari sebarang anasir ataupun ancaman yang boleh menggugat kedudukan Islam sama ada dalam bentuk ancaman akidah mahupun ancaman sosial kepada umat Islam serta membangunkan masyarakat yang sejahtera di Negeri Selangor.



RESOLUSI PERSIDANGAN PIBK MAIS 2021

Persidangan PIBK MAIS 2021 ini telah menghasilkan beberapa resolusi antaranya ialah:

PIBK hendaklah memainkan peranan penting di dalam membantu MAIS dan agensi Islam Negeri Selangor melaksanakan dasar-dasar MAIS dalam menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam secara bersepadu dari sebarang anasir ataupun ancaman yang boleh menggugat kedudukan Islam sama ada dalam bentuk ancaman akidah mahupun ancaman sosial kepada umat Islam serta membangunkan masyarakat yang sejahtera di Negeri Selangor.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan kepada golongan sasar hendaklah menjurus ke arah pemantapan akidah Ahli Sunah Wal Jemaah (ASWJ) dengan platform (touchpoint) penyampaian dakwah yang bersesuaian.

Kerjasama strategik antara PIBK MAIS dan agensi-agensi hendaklah dilaksanakan secara holistik menerusi program-program kesedaran dan pencegahan bagi menutup faktor-faktor utama kejadian jenayah sama ada disebabkan kecuai manusia sendiri atau kehendak penjenayah.

Wujudkan Pelan Tindakan 'Task Force' secara bersepadu antara agensi-agensi dan PIBK untuk mengkordinasi dan menyegerakan tindakan bagi pengurusan kes.

PIBK perlu mewujudkan team 'Cyber Troopers' atau sukarelawan yang lebih cakna untuk menangkis isu penghinaan terhadap agama Islam.

PIBK perlu lebih profesional dengan melaksanakan konsep tabayyun dan mengesahkan sumber yang dipercayai sebelum berkongsi apa jua maklumat yang diterima agar tidak terlibat dalam menyebarkan berita tidak sahih. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan berkaitan NGOi, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jngoimais@gmail.com.

Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



419 Keluarga Sekitar Daerah Hulu Langat Dibantu Akibat Terputus Pendapatan

Oktober 2021 - Seramai 419 keluarga sekitar Hulu Langat yang terkesan dengan Pandemik COVID-19 menerima sumbangan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berjumlah RM41,900.00. **Edisi**

MAIS Sumbang RM115,000 Bantu 794 Anak-Anak Yatim Yang Terkesan Dengan Pandemik COVID-19

Oktober 2021 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang RM115,000.00 bagi membantu 794 anak-anak yatim sekitar Selangor yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan susulan penguatkuasaan Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 sebagai usaha MAIS dalam membantu masalah ummah.

Sumbangan merupakan bantuan bagi menampung keperluan pendidikan anak-anak yatim yang terjejas mengikut senarai yang disediakan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). **Edisi**



MAIS Terima Sumbangan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

Disember 2021 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima sumbangan pasca banjir Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Sumbangan berupa barangan keperluan asas iaitu 12 ribu kampak beras (5kg), 750 botol kicap dan sos.

Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS hadir menerima sumbangan yang disampaikan oleh Dato' Sheikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK. **Edisi**

PERSIDANGAN PENDAFTAR-PENDAFTAR MUALLAF MAIS 2021: Tambahbaik Pengurusan Pendaftaran Muallaf Dan Isu-Isu Terkini

November 2021 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menganjurkan Persidangan Pendaftar-Pendaftar Muallaf bagi tahun 2021 secara atas talian.

Persidangan setengah hari itu dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Haji Mohd Farid Ravi Abdullah, Anggota MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf MAIS bertujuan menambahbaik pengurusan pendaftaran muallaf terutama dari aspek pengislaman dan kes-kes yang melibatkan pengesahan status agama di mahkamah. **Edisi**



MAIS Terima Sumbangan Bantuan Pasca Banjir MAIPs

Disember 2021 - Alhamdulillah, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima sumbangan pasca banjir Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Perlis Volunteer Action Community (PVAC). Sumbangan berupa barangan keperluan asas seperti 200 kotak makanan, 750 helai kain batik, 240 kain telekung, dan 115 lapik tidur. **Edisi**



Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**

MAIS TERIMA SUMBANGAN RM3 JUTA DARI MAIWP – Untuk Bina Rumah Mangsa Banjir

Disember 2021 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima sumbangan pasca banjir dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebanyak RM3 juta di sini khusus untuk membantu membina rumah mangsa banjir di Selangor daripada kalangan asnaf zakat. **Edisi**




Simposium Pendakwah Dan Kepimpinan Orang Asli 2021

November 2021 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Yayasan Taqwa MAIWP telah menganjurkan program Simposium Pendakwah dan Kepimpinan Orang Asli 2021 pada 25 November 2021 (Khamis) di Masjid Tuan Ku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Pada majlis ini juga, pihak JAIS turut menerima dua (2) anugerah iaitu:

1. Anugerah Surau Kampung Orang Asli (Terbaik) (Tempat ke-3) - Surau Al-Asliyyah, Kampung Orang Asli Desa Temuan, Petaling
2. Anugerah PMOA Qudwah Negeri Selangor Tahun 2021 - Muhammad Rosli Bin Mustafa (PMOA Kuala Langat) **Edisi**



Turun Padang Bantuan Banjir Di Masjid Al-Madaniah USJ 18

Disember 2021 - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Pengguna dan Industri Halal, Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni bersama Pengarah JAIS, Dato Hj Mohd Shahzihan bin Ahmad serta pegawai-pegawai jabatan telah turun padang bagi penyampaian sumbangan bagi keperluan mangsa-mangsa banjir di Masjid Al-Madaniah USJ 18, Subang Jaya. **Edisi**

Sumber : **Jabatan Agama Islam Selangor**

Forum Khas Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Hulu Langat 1443H/2021 : Mengingati Rasulullah Saw, Menyisih Akidah Songsang **Edisi**



Delegasi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Ke Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor

Disember 2021 – Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menerima kunjungan daripada Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). **Edisi**



Sumber : **Lembaga Zakat Selangor**



PTPTN Salurkan Lebih RM206 Ribu Wakalah Agihan Untuk Asnaf Selangor

Oktober 2021 – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengagihkan wakalah zakat PTPTN berjumlah RM206,100.00 kepada golongan asnaf di Selangor. **Edisi**



YIDE Lebar Sayap Kerjasama Dengan TV AlHijrah

Oktober 2021 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengadakan pertemuan bersama TV AlHijrah bagi membincangkan ruangan kerjasama korporat dari sudut media dan penjenamaan. **Edisi**



YIDE Dan TV AlHijrah Bantu Mangsa Bah Di Sg. Serai Hulu Langat

Disember 2021 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) hari ini terus turun padang membantu mangsa musibah bah di Sg. Serai, Hulu Langat.

Kerjasama ini bersama rangkaian TV AlHijrah turut turun padang dalam menyantuni mangsa. **Edisi**

Sumber : **Yayasan Islam Darul Ehsan**



LZS Salur Sumbangan Zakat RM3.7 Juta Kepada Tabung Kebajikan Pesakit

November 2021 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan sumbangan zakat sebanyak RM3,740,000.00 kepada Tabung Kebajikan Pesakit LZS di 18 buah hospital dan institusi perubatan sekitar Selangor serta Kuala Lumpur, melibatkan dua fasa penyaluran sumbangan sepanjang tahun ini.

Melalui tabung tersebut, setiap hospital dan institusi perubatan masing-masing menerima sumbangan zakat di antara RM40,000.00 hingga RM300,000.00. **Edisi**



Pak Nil Ukirkan Senyuman Anak Yatim Bakti Al Kausar

November 2021 - Senyuman melirik anak-anak yatim di Rumah Bakti Al Kausar Bangi menerima kehadiran figura tanah air Datuk Aznil Haji Nawawi pada 26 Oktober 2021 yang lalu. **Edisi**



Sumber : **Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

Majlis Menandatangani MoA Penyelidikan di antara KUIS dengan Yayasan Ikhlas

November 2021 - Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara KUIS dan Yayasan Ikhlas telah berlangsung. Ia merupakan satu majlis yang sangat bermakna, jaringan antara institusi pendidikan dan NGO yang memperjuangkan nasib komuniti di Malaysia.

KUIS amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Yayasan Ikhlas yang sedia mendanai projek penyelidikan sebanyak RM24,000 bagi melahirkan dua (2) orang bakat dalam Sarjana Usuluddin dan Pemikiran Islam. **Edisi**

Sumber : **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor**



BIMB Serah Sumbangan Zakat Tahun 2020 kepada Pusat Zakat & Wakaf KUIS

Disember 2021 - Pusat Zakat dan Wakaf (PZW) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menerima penyerahan sumbangan zakat Bank Islam Malaysia Berhad bagi tahun 2020 bernilai RM30,000.00. **Edisi**

Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam KUIS dan KITAB Jalin Kerjasama

Disember 2021 - Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dua hala bersama Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB). **Edisi**



JAKESS Menerima Anugerah "Ace Of Initiative" Sempena Muzakarah Pegawai-Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali Ke-14 Tahun 2021

November 2021 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menerima anugerah "Ace of Initiative" bersempena Muzakarah Pegawai-pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali ke-14 tahun 2021 bertempat di Swiss Garden Hotel, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur. Anugerah ini diberikan sebagai penghargaan kepada JAKESS di atas kejayaan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti kepada masyarakat umum dalam usaha menyampaikan maklumat di samping menggalakkan penyelesaian kes secara alternatif selain penglibatan aktif para Pegawai Sulh di dalam program-program tersebut. **Edisi**



Program Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Hulu Selangor


Disember 2021 - Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Hulu Selangor telah menerima kunjungan daripada YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sempena program Turun Padang Pengerusi MAIS ke Daerah Hulu Selangor. **Edisi**



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakat.selangor.com.my)
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

TEKA SILANGKATA JAWI EDISI MAIS

Siri 4/2021



Arahan:

- Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja. Abaikan semua petak yang berwarna.
- Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang (dari kiri ke kanan).
- Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak (dari atas ke bawah).
- Huruf (ل) hendaklah dieja berasingan antara (ل) dan (ل).

Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

- Jangan mudah merasa _____ hati dengan amal soleh, buatlah dengan rasa ikhlas.
- Hari _____ pasti akan menjelma dan waktu itu dunia ini pasti hancur lebur.
- Rukun _____ ada tiga belas perkara. Marilah kita sembahyang dengan bersungguh-sungguh.
- Permainan _____ bulan sangat popular di Kelantan. Selain wau bulan, ada macam-macam wau lagi yang menarik di Kelantan.
- Jom kita beriadah, kerana aktiviti _____ itu sangat penting untuk kesihatan.

Menegak Dari Atas ke Bawah (A-E):

- Jangan suka menjadi seorang yang pemaarah, kerana sifat _____ itu daripada Syaitan.
- Jauhkan tabiat merokok, kerana _____ itu membahayakan kesihatan.
- Pelangi mempunyai tujuh _____, iaitu merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo dan ungu.
- Seorang anak wajib mentaati ibu bapanya, kerana reda Allah tergantung kepada reda kedua _____.
- _____ mati meninggalkan belangnya. Sedang manusia mati meninggalkan namanya. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KEDUA PULUH TUJUH)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS. (GUGUS KONSONAN)

Minggu ini kita masih lagi dalam tajuk “Kata pinjaman Bahasa Inggeris”. Kita sambung lagi penerangan berkaitan “Huruf Gugus Konsonan”. Jika minggu lepas kita sudah mempelajari huruf gugus konsonan di awal dan di tengah kata, minggu ini kita belajar perkataan pinjaman Bahasa Inggeris yang mengandungi huruf gugus konsonan di akhir kata.

Kaedah penulisan jawi pada huruf gugus konsonan di akhir kata ada dua cara, iaitu:

- Tidak merangkaikan huruf gugus konsonan atau tidak menyambung huruf tersebut bagi mengelakkan tersalah baca kerana ia boleh membentuk suku kata tertutup yang menyerupai sebutan dalam Bahasa Melayu. Contohnya ialah:

Gugus Konsonan akhir	Rumi	Jawi
ns	sains	سائينس
	ambulans	امبولنس
lt	volt	فولت
	kobalt	كوبلت
ks	faks	فكس
	indeks	اينديكس

Gugus Konsonan akhir	Rumi	Jawi
lf	golf	گولف
nd	trend	تريند
nk	bank	بنك

Kesimpulannya, cara penulisan gugus konsonan di awal dan di akhir perkataan hendaklah dieja mengikut padanan huruf. **Edisi**



Kesibukan Bekerja Tidak Menghalang Untuk Menggenggam Segulung Ijazah Doktor Falsafah

Oleh: Ahmad Firdaus Bin Muhammad (firdaus@mais.gov.my)
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

Bagi orang yang bekerja di pejabat, dilema untuk menyambung pengajian akademik bukanlah menjadi suatu keseronokan, malah ia adalah ibarat memikul beban di kedua-dua pundak bahunya. Siang di pejabat menguruskan tanggungjawab, kemudian pulang menguruskan keluarga dan akhirnya setelah malam berlabuh, bangkit pula untuk mencoret dan menelaah pelajaran.

Menyoroti kisah kejayaan seorang anak kelahiran asal Sepang, Selangor menempuh cabaran menyelesaikan pengajian tertinggi dalam lapangan akademik iaitu Ijazah Doktor Falsafah (PhD), biarpun bukan sebagai ahli akademik sepenuh masa, namun beliau memilih untuk bergelumang dalam suka dan duka kesusahan dunia akademik. Sosok tersebut ialah Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar, yang kini menjawat jawatan sebagai Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bermula sejak 16 Julai 2019.

Beliau telah memulakan kerjaya sebagai Ketua Eksekutif, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada tahun 1994, kemudiannya memasuki perkhidmatan di Pusat Pungutan Zakat Selangor dan dilantik menjadi Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada tahun 2006. Semasa menjadi Pengurus Besar LZS, beliau telah mengikuti pengajian peringkat Sarjana Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM). Kemudian beliau menyambung pula pengajian diperingkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Islam (Syariah) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lulus untuk menulis tesis bertajuk Transformasi Pengurusan Dan Perundangan Institusi Zakat Di Malaysia. Beliau juga merupakan pelajar tajaan dermasiswa zakat pasca Ijazah Sultan Sharafuddin Idris Shah.



Disamping kesibukan sebagai pelajar, beliau meneruskan perkhidmatannya di MAIS sebagai Timbalan Setiausaha dan Pengarah Sektor Pembangunan Sosial. Kesibukan kerja dan khidmat sosial kepada masyarakat tidak menghalang beliau untuk berjaya dan telah menyelesaikan penulisan tesisnya pada tahun 2017. Beliau juga telah membentangkan sebanyak 15 kertas kerja di beberapa seminar berkenaan zakat di pelbagai peringkat yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT). Beberapa kertas kerja beliau telah diterbitkan oleh IPT dan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) berbentuk artikel dalam buku semenjak tahun 2007. Beliau juga komited menyumbang tenaga dan masa dalam pengkorporatan zakat di negeri Selangor dengan merangka kutipan, agihan dan operasi zakat sepanjang 18 tahun perkhidmatan beliau di LZS.

Dalam tempoh pengajian PhD, beliau telah menghadapi pelbagai cabaran, namun beliau tetap komited dan mengorak langkah untuk menyelesaikan pengajiannya. Tepat pada tanggal 7 Jun 2017, beliau akhirnya selesai melengkapkan Perakuan Tesis Doktor Falsafah dan bergraduasi. Sesuatu yang telah dimulakan, hendaklah diselesaikan. Itulah falsafah dan kata-kata semangat yang dipegang beliau.

Kejayaan beliau tidak hanya terhenti setelah berjaya dalam pengajian Doktor Falsafah, pada tahun berikutnya iaitu 2018, beliau dengan kerjasama UKM telah menerbitkan sebuah buku berjudul Transformasi Perundangan Zakat Di Malaysia. Buku ini membincangkan kepentingan dan keperluan transformasi perundangan dan penguatkuasaan undang-undang zakat di Malaysia. Ia akan menjadi rujukan utama untuk semua pihak yang ingin mendalami bidang perundangan zakat.

Satu perkara yang manis dalam kisah hidup beliau adalah pada 9 November 2021, sempena sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2021, anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), beliau telah terpilih sebagai penerima **ANUGERAH IKON ASNAF ZAKAT KEBANGSAAN 2021 (KATEGORI AKADEMIK)**. Ini merupakan pengiktirafan serta pencapaian tertinggi yang beliau kecapai sepanjang penglibatan dalam bidang zakat. Tahniah diucapkan kepada beliau atas pengiktirafan ini.

Kini beliau masih lagi aktif dengan dunia akademik dengan mengetuai Jawatankuasa Pemandu Dan Penilaian Penyelidikan (JPPP) MAIS dalam melulus, memantau dan mengesahkan keabsahan sesuatu kajian yang dilaksanakan di Pusat Penyelidikan MAIS (PPM), dimana PPM berperanan mengurus dan menyelia segala penyelidikan di MAIS, Agensi Agama di Selangor, Agensi dan Anak Syarikat MAIS. Setiap tahun PPM akan menawarkan geran penyelidikan dan melaksanakan tidak kurang daripada 6 kajian ilmiah dengan kerjasama daripada pakar – pakar bidang akademik dari universiti awam dan swasta di seluruh Malaysia. Tambahan buat pembaca yang berminat untuk menelaah tesis tulisan Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar, bolehlah hadir ke Unit Maklumat, Pusat Penyelidikan MAIS (dulu dikenali sebagai Perpustakaan Wakaf MAIS) beralamat di Wisma MAIS, Seksyen 3, Shah Alam, Selangor. **Edisi**

Solat Jemaah Dan Dilema Ummah

Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

“Sampai bila masjid nak ditutup? Pasar malam boleh buka tapi masjid tak boleh pulak? Dah buka tetapi Ahli Jawatan Kuasa (AJK) sahaja yang boleh hadir ke masjid? Kenapa jumlah kehadiran jemaah ke masjid nak dihadkan?”

Persoalan ini sering diutarakan oleh masyarakat kepada ahli jawatankuasa masjid dan surau. Mereka telah menjadi tempat bagi melepaskan amarah terhadap dasar-dasar yang telah ditetapkan pihak berkuasa agama dan kerajaan. Namun, harus ditekankan kerajaan telah membuat keputusan dalam menghadkan kehadiran dan penjarakan sof adalah solusi terbaik dalam mengekang penyebaran COVID-19 disamping beberapa prosedur lain yang menyebabkan ibadah yang kebiasaannya dilaksanakan di masjid dan surau telah diubah pelaksanaannya. Pelbagai isu yang tular dan timbul dek kerana isu COVID-19 yang sedang menimpa kita semua. Isu penjarakan ini adalah resolusi daripada Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-4 yang bersidang pada 30 April 2020 dan dipersetujui juga oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-2/2020 yang bersidang pada 16 Jun 2020. Namun, bermula September 2021 beberapa sektor termasuk sektor sosial dan masjid dibenarkan dibuka dengan mematuhi beberapa peraturan yang ditetapkan selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 15 Jun 2021 dengan membenarkan kapasiti penuh masjid digunakan dan penjarakan sof masih dikuatkuasakan.

Muta'akhir ini, setelah hampir 4 bulan kelonggaran berjemaah dibenarkan dilaksanakan di masjid-masjid namun dilihat kehadiran jemaah (solat wajib 5 waktu) sangat menyedihkan. Malah isu tersebut juga perlu menjadi penekanan bagi pihak berkuasa agama iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Isu ini timbul kerana telah setahun lebih majoriti kita solat di rumah. Justeru, isu ini hendaklah dilihat secara menyeluruh dalam menanganinya. Perkara ini juga hendaklah menjadi tanggungjawab secara bersama di antara JAIS, Ahli Jawatankuasa Masjid/Surau serta masyarakat dalam setiap kariah.

Isu ini telah menjadi isu yang hangat diperkatakan di setiap masjid dan surau dalam Negeri Selangor. Justeru itu, pihak berkuasa agama seharusnya memikirkan kaedah dalam menangani perkara ini. Satu jawatankuasa atau *task force* harus diwujudkan fokus dalam mencari kaedah terbaik bagi menarik kembali jemaah ke masjid dan surau. Namun, secara umumnya ahli jawatankuasa masjid dan surau juga boleh memainkan peranan seperti berikut: Justeru, pelbagai inisiatif yang dicadangkan bolehlah

1 Menggiatkan promosi secara maya sama ada melalui media-media sosial (Instagram, facebook, twitter dan sebagainya) termasuk edaran rakaman video. Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Datuk Seri Mohammad Mentek berkata statistik menunjukkan rakyat Malaysia antara yang paling aktif menggunakan media sosial dan bilangan pengguna meningkat sebanyak dua juta atau tujuh peratus dalam tempoh setahun dari tahun 2020, tambah lagi COVID-19 ini telah membawa kepada amalan perubahan baharu masyarakat dengan beraktiviti sosialnya secara atas talian apabila Malaysia merekodkan 28 juta pengguna media sosial atau 86 peratus daripada penduduk negara ini menggunakan media sosial. Peningkatan penggunaan media sosial ini adalah berikutan keadaan semasa negara berdepan pandemik COVID-19 yang menyebabkan masyarakat hanya duduk di rumah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),

2 Menjadikan masjid sebagai tempat pengajaran dan latihan terhadap semua golongan peringkat umur dalam pelbagai perkara yang bermanfaat, dan

3 Menarik anak muda untuk lebih mengemari mengunjungi masjid berbanding ke tempat yang lain dengan mewujudkan banyak aktiviti santai seperti program dalaman dan luaran bagi anak muda, ceramah khas keperluan remaja, melantik wakil ajk Masjid/Surau dari golongan remaja, mewujudkan *coffee/wifi corner* dan sebagainya.

dilaksanakan dalam menangani masalah tersebut di samping ketetapan lain yang dicadangkan oleh pihak berkuasa agama, ianya juga perlu diambil perhatian dalam memilih kesesuaian dan keutamaan tindakan. Namun, kesemua aktiviti yang dicadangkan adalah tertakluk kepada SOP semasa kerajaan. Meskipun begitu, perlulah diingatkan bahawa situasi ini adalah secara mu'aqqat (bertempoh), sekiranya keadaan sudah kembali reda maka kita akan kembali menunaikan solat berjemaah seperti sediakala seperti merapatkan saf, bersalaman dan sebagainya kerana inilah yang dituntut oleh Rasulullah SAW.

Sesungguhnya pandemik Covid-19 ini telah menguji kita dalam serba-serbi kehidupan sama ada dalam aspek ekonomi, sosial, budaya, ibadat dan acara keagamaan serta pelbagai lagi. Setelah hampir setahun hal ini berlaku, bahkan di Malaysia telah memasuki gelombang ketiga yang lebih membimbangkan, makanya pendapat yang dikemukakan oleh ulama (Fatwa) dan pemerintah sewajarnya diambil kira dan dipertimbangkan mengikut realiti semasa. Akhir kalam, semoga risalah ini memberi kefahaman yang bermanfaat buat para pembaca.

Amin. **Edisi**



Syeikh Abdullah Fahim (1879-1961)

Oleh: Mohd Hafiz bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Syeikh Abdullah bin Haji Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Abdullah Pak Him telah dilahirkan pada 1879M/1296H di Shu'ayb yang berhampiran dengan ka'bah. Di Shu'ayb terdapat penempatan bagi beberapa ulama Alam Melayu yang terkenal di Makkah seperti Syeikh Wan Ahmad al-Fatani (1856-1908) yang pernah bermukim di situ. Syeikh Abdullah Fahim sangat berdedikasi bagi meneruskan warisan perjuangan Rasulullah (S.A.W) dalam membawa manusia menuju kepada penciptanya sebagai *Rabb al-Alamin*.

Gelaran Dan Keturunan

Fahim ialah ungkapan istilah dalam Bahasa Arab yang bermaksud "seseorang yang faham dan luas ilmunya". Abdullah Pak Him pula adalah panggilan dan nama biasa yang digunakan oleh Masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Tanah Melayu yang menunjukkan penghormatan kepada seseorang yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Bapa beliau, Syeikh Ibrahim bin Haji Tahir (Pak Him) yang berasal dari kubur Panjang, Kedah telah berhijrah ke Makkah untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemudiannya menjadi tenaga pengajar di Masjidil Haram. Manakala, ibunya pula iaitu Hajjah Khadijah dikatakan mempunyai keturunan yang berasal dari Patani dan mempunyai susur galur keturunan yang berasal dari maghribi.

Perkahwinan

Syeikh Abdullah berkahwin dengan Hajjah Wan Habsah binti Haji Abdullah seorang gadis Melayu yang juga menetap di Makkah dan memperolehi 4 orang anak. Hajjah Wan Habsah meninggal dunia pada tahun 1916 iaitu Ketika Syeikh Abdullah berangkat pulang ke Tanah Melayu dan umur beliau ketika itu kira-kira 37 tahun. Syeikh Abdullah kemudiannya berkahwin pula dengan Hajjah Sareah Binti Haji Hassan yang berumur 34 tahun dan bapa mertuanya dikenali sebagai Haji Hasan Bin Haji Saleh Kwantung yang berasal dari Kwantung, China iaitu seorang saudagar emas dan batu permata di Seberang Prai.

Pendidikan

Syeikh Abdullah dibesarkan di Makkah dalam keluarga yang mengutamakan Pendidikan khususnya yang berkaitan pegajian al-quran. Kelazimannya, setiap anak-anak yang membesar dalam suasana tersebut akan melalui proses pembelajaran secara formal dan tidak formal. Selain pelajaran al-quran, ilmu Bahasa Arab seperti *nahu*, *sarf* dan *balaghah* yang dikenali sebagai ilmu alat turut dipelajari disamping ilmu tradisi Islam lain seperti *usuluddin*, *fiqh*, *tasawwuf*, *tafsir* dan *hadis*. Guru akan duduk bersila ditiang yang dipilih dan mengajar mata pelajaran tertentu yang dilingkungi pelajar-pelajar di dalam kawasan Masjid al-Haram. Suasana pembelajaran seperti ini dipercayai telah dilalui oleh Syeikh Abdullah terutamanya diperingkat umur belianya.

Sumbangan

Sejurus selepas pulang ke Seberang Prai dari Makkah, Syeikh Abdullah menetap di Kepala Batas dan mengajar di rumah beliau. Syeikh Abdullah telah dijemput untuk mengajar di Madrasah al-Hamidiyyah yang terletak di Limbong Kapal, Alor Star tidak jauh dari Pejabat Agama Islam Kedah pada waktu itu. Haji Wan Sulaiman selaku Syeikhul Islam Kedah pada ketika itu telah mengasaskan Madrasah al-Hamidiyyah pada tahun 1916 dan ia ditadbir sebagai sebuah sekolah agama Islam "Moden".

Difahamkan, beliau juga banyak berguru dengan ulama-ulama berbangsa Melayu dan Arab. Terdapat pandangan yang menyebutkan

beliau telah berguru kepada kira-kira 45 sehingga 50 orang guru. Antara guru-guru beliau adalah Syeikh Nik Mat Kecil Fatani (1844-1915), Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908), dan Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi (1860-1916). Syeikh Ahmad Khatib merupakan antara Imam Besar di Masjid al-Haram yang dilantik oleh *Sharif* Makkah bagi mewakili umat Islam yang bermazhab Shafie.

Setelah berkhidmat di Kedah dalam masa lebih kurang 7 tahun beliau telah pulang Kembali ke Kepala Batas pada tahun 1925 dan meneruskan Kembali pengajaran di rumah beliau. Setelah 2 tahun, penuntut menjadi bertambah ramai yang mendorong beliau untuk menubuhkan Madrasah Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyyah pada tahun 1927. Bangunan madrasah ini dibina bersebelahan dengan Masjid al-Jami'ulBadawi di Kepala Batas. Ia berkembang pesat dengan para pelajar yang hadir dari pelbagai pelusuk tanah air termasuk dari Indonesia dan Selatan Thai sehingga berjumlah kira-kira 1500 orang.

Syeikh Abdullah berkhidmat di Madrasah Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyyah lebih kurang 6 tahun sebelum dijemput untuk menjadi Mudir di Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1932. Madrasah Idrisiah yang terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak ialah sebuah institusi Pendidikan agama yang dibangunkan pada tahun 1916 dan mula beroperasi pada tahun 1922. Pembangunan madrasah ini ialah Hasrat Sultan Idris Mursyidul 'Azam Shah yang mahu melihat kewujudan sebuah institusi Pendidikan agama yang setanding dengan beberapa institusi Pendidikan yang terkenal di Perak Ketika itu seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK-1905) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC-1922)



Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar

Penutup

Syeikh Abdullah adalah seorang tokoh guru agama yang berkaliber dan sangat luas ilmu yang ada pada dirinya. Segala sumbangannya terutama dalam bidang pendidikan dan sosial terhadap masyarakat pada zamannya menjadikan beliau seorang tokoh yang amat disegani. Pada 27 April 1961 adalah tarikh dimana Sheikh Abdullah telah meninggal dunia pada usia 92 tahun dimana beliau banyak meninggalkan khazanah ilmu dan menjadi penyuluh kehidupan masyarakat serta kepada bekas murid-muridnya yang pernah berguru dengannya. **Edisi**

Sumber: Syeikh Abdullah Fahim : Ulama Melayu Progresif



PREMIS UNTUK SEWA

KAWASAN KLANG PERSIARAN RAJA MUDA MUSA TINGKAT 1 (Bersebelahan JMC Klang)

- Berdekatan dengan JMC Specialist Medical Centre
- Berdekatan dengan Hin Hua High School Klang
- Berdekatan dengan Sri Sunderaraja Perumal Temple
- Berdekatan dengan Balai Polis Trafik Klang
- Berdekatan dengan SMK Tengku Ampuan Rahimah Klang
- Berdekatan dengan SK La Salle Klang



UNIT KOSONG

- a) 78(G) : 1260kps **RM2700/bulan**
- b) 78(1) : 1399 kps **RM1500/bulan**
- c) 78(2) : 1399 kps **RM600/bulan**
- d) 78(3) : 1399 kps **RM500/bulan**



DI KAWASAN PUNCAK ALAM

- 200 Meter ke Mr. DIY
- 200 Meter ke Pusat Pergigian Bestari
- 200 Meter ke Mamak Signature
- 200 Meter ke Bank Muamalat Puncak Alam
- 200 Meter ke Marrybrown Puncak Alam
- 200 Meter ke Print Expert Puncak Bestari
- 300 Meter ke Tesco Puncak Alam
- 500 Meter ke Masjid Puncak Alam
- 700 Meter ke Taman Tasik Puncak Bestari
- 1.5 KM ke Klinik Desa Puncak Alam
- 1.8KM ke Sekolah Agama Puncak Alam 2
- 1.8KM ke Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2

UNIT KOSONG

- a) 20(1) : 1608 kps : **RM1000/bulan**
- b) 22(G) : 1488 kps : **RM2000/bulan**

DI KAWASAN SUNGAI BESAR JALAN MAHSURI, SUNGAI BESAR

- Berdekatan dengan Maybank
- Berdekatan dengan Guardian
- Berdekatan dengan 7Eleven
- Berdekatan dengan Cimb Sungai Besar
- Berdekatan dengan Pejabat Mara Sabak Bernam
- Berdekatan dengan Plaza Sungai Besar
- Berdekatan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Berdekatan dengan Pasaraya Yang Yang
- Berdekatan dengan Pasaraya Eng Siong



UNIT KOSONG

- a) 1C (Tingkat 3) : 2077 kps **RM1000/bulan**
- b) 3C (Tingkat 3) : 1722kps **RM800/bulan**



DI KAWASAN BANGI KEDAI TINGKAT 3 UNTUK DISEWA (Menghadap Jalan Utama)

- Berdekatan dengan Hospital Islam Az-Zahrah
- Berdekatan dengan Maybank Bandar Baru Bangi
- Berdekatan dengan Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat
- Berdekatan dengan Best View Hotel Bangi
- Berdekatan dengan Oldtown White Coffee Bangi
- Berdekatan dengan Ayam Penyet Wong Solo
- Berdekatan dengan Eco-Shop Bangi

UNIT KOSONG

- a) 18 (Tingkat 3) : 1741 kps : **RM1500/bulan**

DI KAWASAN PUNCAK ALAM PUSAT PERDAGANGAN HILLPARK 1

- Berdekatan dengan McDonald Puncak Alam
- Berdekatan dengan Eco Grandeur
- Berdekatan dengan UiTM Puncak Alam
- Berdekatan dengan Rasheed Bistro
- Berdekatan dengan SK Puncak Alam
- Berdekatan dengan SMK Puncak Alam



UNIT KOSONG

- a) 47(G) : 1373 kps : **RM3700/bulan**
- b) 47(1) : 1524 kps : **RM1300/bulan**
- c) 45(1) : 1524 kps : **RM1300/bulan**



Terus whatsapp kami di

www.wasap.my/60192640631 / www.wasap.my/60192302040
atau 03-55143400 samb 2187



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgov.my

www.mais.gov.my

EDISI إبراهيم MAIS

Syeikh
Abdullah
Fahim
(1879-1961)

Ms 18

www.mais.gov.my



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Semudah senyuman
Online je ZAKAT
selesai

**LEBIH
MUDAH**

Bayaran zakat secara 'Online'
di **PORTAL LZS** dengan menggunakan

KAD KREDIT ISLAMIK

*mudah, pantas
dan berkesan*

untuk anda
membantu asnaf!



Mudahnya tunaikan zakat
jom imbas di sini atau layari
<https://fpx.zakatselangor.com.my/>



zakatselangor



zakatTV@youtube

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343



www.zakatselangor.com.my